

Program ‘Gap Year’ Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA): Pengalaman Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
(Public Institutions of Higher Learning (IPTA) ‘Gap Year’ Program: The Experience of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM))

ABU YAZID ABU BAKAR* & OTHMAN A. KARIM

ABSTRAK

Inisiatif program ‘Gap Year’ yang digerakkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mulai September 2017, dirancang diteruskan selepas penilaian semula dibuat terhadap aspek-aspek pelaksanaannya secara teliti menjelang penghujung tahun 2020. Natijahnya, selepas implimentasi program selama tiga tahun, keterlibatan semua 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di dalam setiap komponen program ini dinilai masih berada pada tahap sederhana dan rendah. Kajian keberkesanan yang telah dijalankan pihak KPT dan dibentang baru-baru ini kepada pihak pengurusan semua IPTA telah mendedahkan beberapa klasifikasi maklumat yang perlu diberi perhatian serius sebagai asas untuk menambah baik pelaksanaan program ini. Namun begitu, program yang dilancarkan khusus untuk memberi manfaat kepada golongan mahasiswa IPTA yang memerlukan ini, kurang mendapat sambutan dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Artikel ini mengupas kerangka konsep pelaksanaan program, menganalisis data kajian keberkesanan yang dijalankan KPT, serta membincangkan hala tuju pelaksanaan program ini secara spesifik di UKM. Penulisan artikel ini disasar untuk berkongsi maklumat berkaitan program ‘Gap Year’ ini kepada seluruh warga mahasiswa UKM, dan semua Pusat Tanggungjawab (PTj) universiti yang berpotensi mengambil bahagian secara meluas dalam program ini pada masa hadapan.

Kata kunci: ‘Gap Year’, IPTA, mahasiswa, UKM

ABSTRACT

The ‘Gap Year’ program initiative launched by the Ministry of Higher Education (MOHE) from September 2017, is planned to continue after a thorough re-evaluation of aspects of its implementation by the end of 2020. As a result, after three years of program implementation, the involvement of all 20 educational institutions. public higher education (IPTA) in each component of this program is assessed to be still at medium and low levels. The effectiveness study conducted by the MOHE and presented recently to the management of all public institutions of higher learning has revealed several classifications of information that need to be given serious attention as a basis to improve the implementation of this program. However, the program launched specifically to benefit IPTA students who need this, received less response among students of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). This article examines the conceptual framework of program implementation, analyzes the data of the effectiveness study conducted by KPT, as well as discusses the direction of the implementation of this program specifically in UKM. The writing of this article is aimed at sharing information related to this ‘Gap Year’ program to all UKM students, and all University Responsibility Centers (PTj) that have the potential to participate widely in this program in the future.

Keywords: ‘Gap Year’, IPTA, students, UKM

PENGENALAN

Wikipedia (2020) mentakrifkan ‘Gap Year’ sebagai satu tempoh penangguhan yang boleh diipilih pelajar untuk ‘berehat’ daripada sistem pendidikan formal bagi melakukan aktiviti-aktiviti tertentu, sebelum mereka kembali semula menyambung pengajian selepas tempoh tersebut tamat. Di barat, program ‘Gap Year’ popular dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah tinggi, di mana mereka yang memilih menyertai program ini lazimnya menanggungkan kemasukan mereka ke institusi-institusi pendidikan tinggi (kolej atau universiti) yang wajar untuk bekerja atau melancong (O’Shea, 2011; Martin, 2010; Shehlik, 2010). Selain daripada popular di Amerika Syarikat, kecenderungan untuk menyertai program ini didapati semakin meningkat dalam kalangan pelajar di United Kingdom dan Australia bagi tempoh sedekad yang lalu (Tenser, 2015). Kesan keterlibatan pelajar dalam program ini di barat menunjukkan impak yang agak positif dalam jangka masa pendek; namun, impaknya untuk tempoh jangka masa panjang masih perlu dikaji terutama dalam aspek pembangunan kerjaya mereka (Guomei & Ran, 2017).

Di Malaysia, program ‘Gap Year’ yang diperkenalkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah khusus untuk mahasiswa institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mulai semester 1 sesi 2017/2018 pada bulan September 2017. Inisiatif ini diperkenalkan bagi memberi peluang mahasiswa ‘berehat’ daripada pengajian mereka dan menerokai pengalaman kehidupan yang baharu sama ada melalui pekerjaan, pengembaraan ataupun penglibatan dalam program sukarelawan dan khidmat masyarakat (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2017). Program disasar untuk membudayakan sikap keprihatinan, pengukuhan semangat patriotik, dan menyuburkan perasaan kasih sayang serta rasa syukur dalam diri para mahasiswa yang memilih untuk menyertai program ini.

LATARBELAKANG PROGRAM

Program ‘Gap Year’ yang mula diperkenalkan pada tahun 2017 oleh KPT digagas untuk menyokong strategi melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan bercirikan keusahawanan sepertimana digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Sejajar dengan hasrat ini, Program ‘Gap Year’ diharap mampu menjadi nilai tambah positif kepada peningkatan kemahiran, pengetahuan, dan kebolehpasaran graduan IPTA. Program ini juga dilaksanakan agar dapat berfungsi

sebagai platform pembangunan potensi diri mahasiswa di samping memangkin keterlibatan mereka untuk menyumbang kepada komuniti dan masyarakat umum.

Semasa pelancaran pada September 2017, program ini digerakkan dengan dukungan sembilan IPTA peneraju yang terdiri daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), serta jalinan kerjasama strategik dengan sembilan agensi kerajaan yang terdiri daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), *Islamic Relief Malaysia* (IRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK).

Secara tuntas, program ‘Gap Year’ yang diwujudkan KPT ini dirangka bagi membolehkan mahasiswa IPTA menanggungkan pengajian dalam suatu tempoh tertentu, khusus untuk mereka membuat refleksi dan penerokaan diri menerusi komponen aktiviti-aktiviti yang dipilih. Rekabentuk program menetapkan tiga komponen utama aktiviti dengan perincian seperti berikut:

- i. Khidmat Negara – Program penempatan mahasiswa yang berminat ke agensi-agensi badan beruniform yang terdiri daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), di mana mereka boleh memilih untuk berkhidmat sebagai sukarelawan untuk tempoh satu tahun akademik, tertakluk kepada terma-terma yang dipersetujui dengan agensi-agensi berkenaan. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bertindak selaku institusi peneraju untuk program bersama PDRM, manakala Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk program bersama ATM dan APM.
- ii. Sukarelawan – Program yang membenarkan mahasiswa untuk melaksanakan aktiviti sukarelawan antara tempoh satu semester hingga satu tahun akademik, bergantung kepada jalinan kerjasama strategik antara institusi-institusi peneraju dan agensi-agensi berkaitan. Sebagai permulaan, tujuh program telah dijalankan di bawah komponen

ini iaitu aktiviti-aktiviti antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan *Islamic Relief Malaysia* (IRM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan Jabatan Pendidikan Negeri Perak (JPNP), Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK). Selain itu, mahasiswa juga boleh memilih untuk mengikuti aktiviti-aktiviti kesukarelawanan dalam tempoh yang lebih singkat (satu hingga tiga bulan) yang disediakan oleh mana-mana agensi dalam konteks program 'summer volunteerism'.

- iii. Umum – Program tidak berstruktur yang membenarkan mahasiswa untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti seperti sukan, keusahawanan, peningkatan kemahiran, pelancongan, kepimpinan, dan sebagainya, untuk tempoh minimum satu semester hingga maksimum satu tahun akademik. Selain daripada memilih aktiviti-aktiviti yang bermanfaat, komponen program ini juga

memerlukan mahasiswa yang berminat untuk mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh universiti masing-masing.

Selepas tiga tahun dilaksanakan, pihak KPT berhasrat meningkatkan keterlibatan mahasiswa di 20 IPTA dalam semua komponen program, terutama dalam dimensi kesukarelawanan dan umum. Ini kerana, berbanding beberapa ketetapan, syarat, serta terma khusus yang diperlukan untuk pelaksanaan program khidmat negara, program kesukarelawanan dan umum memiliki lebih keluwesan dalam hal ini.

KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM

Satu kajian keberkesanan telah dilakukan pihak KPT mulai 10 hingga 23 Ogos 2020, bertujuan mengenalpasti tahap kefahaman mahasiswa IPTA tentang program ini. Selain itu, kajian ini dijalankan bagi memperolehi maklumbalas yang berpotensi diguna pakai untuk menambah baik kaedah pelaksanaan program agar lebih bertepatan dengan keperluan mahasiswa. Kajian dilaksanakan menerusi edaran soal selidik secara rawak kepada mahasiswa di semua 20 IPTA, dan sejumlah 2005 orang responden telah mengembalikan soal selidik untuk dianalisis secara deskriptif. Jadual 1 memaparkan demografi responden mengikut kategori jantina, status perkahwinan dan tahap pendidikan, manakala Jadual 2 merumuskan taburan responden mengikut IPTA.

JADUAL 1. Taburan Responden mengikut Jantina, Status Perkahwinan, dan Tahap Pendidikan

Kategori		Kekerapan (<i>f</i>)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	634	31.62
	Perempuan	1371	68.38
Status Perkahwinan	Bujang	1994	99.45
	Berkahwin	11	0.55
Tahap Pendidikan	Doktor Falsafah	1	0,05
	Sarjana	14	0.70
	Sarjana Muda	1811	90.32
	Diploma	179	8.93

JADUAL 2. Taburan Responden mengikut IPTA

Nama IPTA	Bilangan Responden
Universiti Malaya (UM)	53
Universiti Sains Malaysia (USM)	547
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	4
Universiti Putra Malaysia (UPM)	0
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	1
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	0
Universiti Utara Malaysia (UUM)	12
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	511
Universiti Malaysia Sabah (UMS)	93
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	91
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	10
Universiti Teknologi MARA (UiTM)	158
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	0
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	128
Universiti Teknikal Melaka (UTeM)	171
Universiti Malaysia Pahang (UMP)	1
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	0
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	222
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	2
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	1
Jumlah	2005

Antara dapatan menyeluruh yang wajar menjadi asas pertimbangan untuk menentukan hala tuju pelaksanaan program ini pada masa hadapan adalah seperti berikut:

- i. faktor-faktor utama yang menghalang responden daripada menyertai program ini (Jadual 3)
- ii. ketidakseimbangan dalam kecenderungan responden memilih komponen program (Jadual 4)
- iii. kesesuaian tempoh program menurut perspektif responden (Jadual 5)

JADUAL 3. Faktor Penghalang Responden daripada Menyertai Program 'Gap Year'

Faktor	Jumlah Pilihan Responden
Terpaksa tangguh pengajian	1376
Tiada pengetahuan tentang program	1246
Kurang dorongan dan keberanian	1398
Halangan keluarga	550

JADUAL 4. Kecenderungan Responden Memilih Komponen Program

Komponen Pilihan	Kekerapan (<i>f</i>)	Peratus (%)
'Gap Year' Khidmat Negara	212	10.57
'Gap Year' Kesukarelawanan	554	27.63
'Gap Year' Umum	964	48.08
Tiada/Tidak Berminat	275	13.72

JADUAL 5. Kesesuaian Tempoh Program menurut Perspektif Responden

Tempoh Pilihan	Kekerapan (<i>f</i>)	Peratus (%)
3 bulan	1231	61.39
6 bulan	583	29.08
12 bulan	191	9.53

Kajian ini, walaupun secara keseluruhan mendapati bahawa responden bersetuju dengan pelaksanaan program 'Gap Year' ini dan mahu ianya diteruskan, namun tidak kurang juga rumusan majoriti responden bahawa kaedah pelaksanaan program ini perlu diteliti semula serta ditambah baik sekiranya KPT berhasrat meneruskannya pada masa hadapan.

REFLEKSI PENGALAMAN UKM

Semasa pelancaran program ini pada September 2017, UKM telah dipilih sebagai salah satu IPTA peneraju, di mana ia telah dipertanggungjawabkan – menerusi Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM) – untuk mengkoordinasi komponen program khidmat negara menerusi jalinan kerjasama strategik dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Pada pengalaman pertama ini, syarat khusus yang ditetapkan PDRM adalah mahasiswa yang memohon atau memilih program ini perlu datang dari kalangan kadet pelatih Kor Sukarelawan Siswa Siswi Polis (SUKSIS) di semua IIPTA. Bersandarkan syarat khusus ini, sepanjang tempoh penyelarasan 2017 hingga 2020 seramai lapan orang mahasiswa – empat orang dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK), dua orang dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan dua orang dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) – telah diterima permohonan mereka dan ditempatkan di Ibu Pejabat PDRM, Bukit Aman sepanjang program. Selain daripada dua orang mahasiswa UKM yang terlibat dalam program ini, seorang mahasiswa UKM juga telah berjaya dalam permohonan beliau seterusnya

menyertai komponen khidmat negara di bawah jalinan kerjasama antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Selain daripada tiga orang yang memohon dan berjaya mengikuti program ini di bawah komponen khidmat negara, tiada sebarang maklumat keterlibatan mahasiswa UKM dalam mana-mana komponen kesukarelawanan atau umum program 'Gap Year' ini direkodkan sepanjang tempoh September 2017 hingga September 2020. Data yang diperolehi daripada kajian keberkesanan KPT yang menunjukkan hanya empat orang mahasiswa UKM menjadi responden kajian (mengembalikan soal selidik yang diedarkan), menimbulkan persoalan sama ada inisiatif memperkenalkan program 'Gap Year' ini diketahui oleh majoriti mahasiswa UKM khususnya, dan mahasiswa IPTA lain amnya (kerana ada beberapa IPTA yang tiada langsung penglibatan mahasiswanya sebagai responden kajian).

Walaupun potensi menarik minat mahasiswa UKM untuk terlibat dalam program ini amat tinggi, terutama dalam komponen kesukarelawanan dan umum, tanpa strategi penyebaran dan perkongsian maklumat yang berkesan, serta penglibatan semua Pusat Tanggungjawab (PTj) berkaitan – sebagai contoh, Pusat Hal Ehwal Pelajar, Pusat Transformasi dan Komuniti Universiti, Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pusat Sukan, dan sebagainya – pelaksanaan program 'Gap Year' ini tidak mungkin mampu dicapai dengan berkesan.

Justeru, bagi meningkatkan penglibatan mahasiswa UKM dalam program ini pada masa

mendatang, komitmen penuh wajar digembleng di peringkat pengurusan tertinggi universiti. Ini kerana, proses penilain serta kelulusan kepada permohonan mahasiswa untuk menyertai program 'Gap Year' ini sekurang-kurangnya akan melibatkan tiga portfolio penting dalam pengurusan universiti iaitu akademik, hal ehwal pelajar, dan jaringan. Sehubungan itu, Bahagian Mahasiswa Holistik, yang menaungi pelaksanaan program ini di peringkat KPT juga sewajarnya mencari inisiatif menjalin persefahaman dengan ketiga-tiga cabang pengurusan universiti bagi menjamin kelangsungan program ini, sama ada di UKM mahupun di IPTA lain.

KESIMPULAN

Program 'Gap Year' yang telah dilancarkan KPT sekitar tiga tahun lalu tidak dinafikan memberi pilihan kepada mahasiswa semua IPTA untuk melalui pengalaman 'tempoh bertenang' – atas alasan dan sebab yang wajar – daripada proses pembelajaran formal untuk suatu jangka waktu yang munasabah, namun, prosedur dan tatacara pelaksanaannya perlu diperhalusi lagi, dengan mengambil kira pandangan serta pendapat pihak berkepentingan, termasuklah mahasiswa sendiri dan pihak pengurusan IPTA yang terlibat secara langsung.

Selain daripada aspek promosi dan penyebaran maklumat yang wajar diperkembangkan, elemen silang budaya juga perlu diberi pertimbangan teliti kerana konsep program 'Gap Year' yang dilakukan dalam budaya barat ternyata jauh berbeza (Wu, Pearce, Huang

& Fan, 2014); justeru, modifikasi atau sebarang adaptasi untuk menyesuaikan dengan amalan budaya, nilai pegangan, serta persekitaran komuniti majmuk di Malaysia harus dilakukan untuk penambahbaikan program ini pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Guomei, T., & Ran, W. 2017. Review on the impact of gap years on career development. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 168: 280-284.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. 2017. *Garis Panduan 'Gap Year'*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Martin, A. J. 2010. Should students have a gap year? Motivation and performance factors relevant to time out after completing school. *Journal of Educational Psychology*, 102(3): 561-576.
- O'Shea, J. 2011. Delaying the academy: A gap year education. *Teaching in Higher Education*, 16(5): 565-577.
- Stehlik, T. 2010. Mind the gap: School leaver aspirations and delayed pathways to further and higher education. *Journal of Education and Work*, 23(4): 363-376.
- Tenser, L. I. 2015. Stepping off the conveyor belt: Gap year effects on the first-year college experience. Ph.D. Dissertation, Boston College, Massachusetts.
- Wikipedia. 2020. Gap year. https://en.wikipedia.org/wiki/Gap_year [26 Oktober 2020].
- Wu, M-Y., Pearce, P., Huang, K., & Fan, T. 2014. 'Gap Year' in China: Views from the participants and implications for the future. *Current Issues in Tourism*, 18(2): 158-174.

Abu Yazid Abu Bakar*
Pusat Kesatria Universiti,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Othman A. Karim
Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: yazid3338@ukm.edu.my

Diserahkan: 3 November 2020
Diterima: 15 Februari 2021